

BUTIR-BUTIR MESYUARAT WARITH-WARITH
LINGGI PADA 2hb. Ogos 1959(AHAD)

Mesyuarat tersebut di atas telah diadakan pada 2hb. Ogos, 1959 bertempat di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggris Linggi mulai jam 8.45 pagi.

Seramai 64 orang telah hadir (Laki-laki dan perempuan).

Tujuan perkumpulan ini diadakan ialah hendak mengembalikan cara-cara dan peraturan-peraturan yang telah dibentuk oleh Dato' Awaluddin tatkala meninggalkan Riau dan Rembau.

- I. Doktor Mohd Said (MB, NS) telah menerangkan perkara perkara yang berlaku dimasa yang lalu dan serba ringkas berkenaan salasilah Linggi.
2. Majlis telah bersetuju mengambil nama dan tanda tangan warith-warith.
3. Dato' Panglima Perang Abdul Samad datang pada jam 9.03 pagi dipapah oleh Tuan Haji Abdullah, Abdul Rahim Jalal dan Abdullah Ambak.
4. Surat-surat pengaduan-pengaduan yang dikumpulkan oleh Dr. Mohd Said ditunjukkan dan dibacakan satu dua daripadanya.
 - a) Surat Dato' Bandar kepada Tuan Residen.
 - b) Surat Dato' Kelana.
 - c) Surat-surat permintaan untuk menjadi Dato' Muda Linggi, pada tahun 1912 hingga 1920.
5. Encik Bujang Muhammad mencadangkan supaya dilantik satu Jawatan Kuasa bertindak bagi mengelolakan soal-soal yang dihadapi itu - disokong oleh Encik Abdul Malek dan dipersetujui.
6. Majlis telah bersetuju melantik:

Pengurus : Dr. Mohd Said.
S/Usaha : Mohd. Som bin Harun.
AJK : Haji Ahmad bin Abdullah
Mohd. Attas bin Ahmad
Haji Abdul Jalal bin Pandak
Imam Ambak
Salleh bin Bulat.

Majlis bersetuju melantik Dr. Mohd. Said dan Pak Long Salleh menjadi Jurucakap dalam pertemuan dengan Dato' Muda Yahya.

7. Imam Ambak telah mengingatkan pesan Guru yang menerangkan sumpah dato^o nenek yang " Adat beraja dan Adat Perpatih disumpahkan pada segala anak-cucunya."

8. Majlis telah membincangkan perkara-perkara yang akan dikemukakan kepada Dato^o Muda Yahya.

- a) Menerangkan tujuan datang - meminta dikembalikan 'adat Linggi yang sebenarnya 'adat muafakat dan kebulatan ' - membentangkan salasilah Linggi menurut tawarikh dan cerita orang tua-tua Linggi.
- b) Meminta agar segala perkara yang hendak dibuat pada masa yang akan datang mestilah mendapat kebulatan daripada warith-warith.
- c) Istilah warith-warith mestilah meliputi segala anak cucu Dato^o Awaluddin dan Dato^o Serilah.
- d) Sebutan " Perut-perut " hendaklah dihapuskan.

Majlis bersurai pada jam 10.15 pagi dan semua yang hadir telah berarak kerumah Dato^o Muda Yahya diketuai oleh Y.B. Dr. Mohd Said.